

**PENINGKADARAN SEMULA CARUMAN BAGI  
SMARTMEDIC 100, SMARTMEDIC 200 dan MEDICA2015 TAHUN 2019**

**Soalan-soalan lazim (FAQs) untuk pelanggan**

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah produk yang mengalami pengkadaran semula?	<p>Produk yang mengalami pengkadaran semula adalah produk perubatan tersendiri iaitu SmartMedic100, SmartMedic200 dan Medica2015.</p> <p>Manfaat tambahan perubatan pada produk takaful berkaitan pelaburan tidak mengalami pengkadaran semula buat masa ini.</p>
2	Mengapakah pengkadaran semula Caruman dilakukan?	<p>Kami sentiasa mengkaji semula pelan perubatan kami dengan kos penjagaan kesihatan. Seperti yang kita sedia maklum, kos rawatan perubatan dan perbelanjaan hospital bagi Pengendali Takaful dan Insurans semakin meningkat sejak beberapa tahun lepas disebabkan oleh kemajuan teknologi dalam rawatan. Pada tahun 2017, inflasi perubatan di Malaysia adalah sebanyak 12%. Manakala pada tahun 2018, ianya dijangka meningkat sebanyak 12% dan menyebabkan kenaikan sebanyak 25% dalam masa 2 tahun<sup>1</sup>. Sekiranya trend ini berterusan, kos kami akan meningkat sehingga 57% dalam masa 4 tahun.</p> <p>Takaful perubatan adalah mengenai perkongsian risiko dan caruman yang diterima digunakan sebagai perlindungan kewangan terhadap bayaran tuntutan di masa hadapan. Apabila kos perubatan sebenar adalah lebih tinggi daripada kadar caruman yang dibenarkan, Pengendali Takaful terpaksa menaikkan kadar caruman kesemua Pemegang Sijil bagi membolehkan mereka untuk terus memberikan perlindungan yang berkualiti.</p> <p>1. Sumber : Aon Hewitt's 2018 Global Medical Trend Rates</p>
3	Bilakah pengkadaran semula Caruman berkuatkuasa?	Pengkadaran semula caruman akan berkuatkuasa pada tarikh ulang tahun Sijil anda pada atau selepas 11 April 2019.
4	Mengapakah pengkadaran semula Caruman berlaku sedangkan Peruntukan Am di dalam Sijil telah menyatakan bahawa Zurich Takaful tidak boleh membatalkan Sijil?	<p>Walaupun Peruntukan Am di dalam Sijil menyatakan kami tidak boleh membatalkan Sijil, kadar caruman yang perlu dibayar adalah tidak dijamin dan kami berhak menyemak semula kadar caruman pada Ulang Tahun Sijil. Kami perlu menyemak semula kadar Caruman seiring dengan kos perubatan yang kian meningkat.</p> <p>Peruntukan Am di dalam Sijil juga menyatakan bahawa kami mempunyai hak mengubah kadar Caruman pada Ulang Tahun Sijil, dengan syarat kami memberi notis kepada anda sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh Caruman tersebut perlu dibayar.</p>
5	Adakah Caruman dijamin selepas pengkadaran semula ini?	Peruntukan Am di dalam Sijil menyatakan bahawa Caruman Pembaharuan adalah tidak dijamin. Sebarang pengkadaran semula pada masa hadapan adalah bergantung kepada rekod tuntutan keseluruhan portfolio dan inflasi kos perubatan yang dijangkakan.

6	<p>Saya merasakan bahawa pengkadaran semula Caruman ini adalah tidak adil kerana saya tidak pernah membuat sebarang tuntutan melalui Sijil perubatan ini.</p>	<p>Kami menghargai dan memahami persoalan ini, walau bagaimanapun, oleh kerana inflasi kos perubatan kian meningkat, pengkadaran semula Caruman perlu dilaksanakan bagi memastikan Zurich Takaful dapat memberikan perlindungan perubatan yang berterusan dan layak anda nikmati pada masa yang diperlukan.</p>
7	<p>Bolehkan saya memilih untuk tidak menerima pengkadaran semula Caruman?</p>	<p>Pengkadaran semula Caruman adalah diguna pakai secara menyeluruh kepada semua Pemegang Sijil SmartMedic100, SmartMedic200 and Medica2015. Adalah penting bagi anda membayar Caruman Baru untuk memastikan perlindungan yang berterusan bagi mengelakkan Sijil luput atau ditamatkan. Jika anda memilih untuk tidak menerima pengkadaran semula Caruman, Sijil anda akan luput dan perlindungan anda akan ditamatkan. Sila maklum bahawa apabila umur anda semakin meningkat dan jauh dari tempoh perlindungan, anda berkemungkinan menghadapi kesukaran untuk memilih perlindungan alternatif pada kadar caruman yang sama kerana syarat pengunderaitan yang baru mungkin dikenakan.</p>
8	<p>Bagaimanakah caranya untuk saya membayar Caruman baru?</p>	<p>Mod dan cara bayaran adalah sama seperti apa yang anda tetapkan. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk membayar Caruman melalui arahan tetap atau telah menetapkan had bayaran dengan pihak bank, anda perlu menghubungi bank anda untuk menukar jumlah Caruman. Jika anda membuat bayaran melalui <i>direct-debit</i>, anda perlu melengkapkan borang <i>Direct Debit Authorization</i> yang terdapat di laman web kami dan mengembalikan borang tersebut kepada kami. Pengkadaran semula Caruman akan berkuatkuasa apabila borang ini telah dilengkapkan.</p>
9	<p>Adakah saya mempunyai pilihan untuk menyemak semula faedah semasa Sijil saya?</p>	<p>Ya, anda ada pilihan. Anda akan mempunyai pilihan / alternatif untuk menilai semula keperluan perubatan semasa anda dengan mempertimbangkan pelan perubatan kami Medica2016, yang merupakan rider kepada pelan berkaitan pelaburan. Walau bagaimanapun, ini akan tertakluk kepada pengunderaitan dan sebarang terma dan syarat yang terpakai dari semasa ke semasa. Sekiranya anda bimbang tentang kemampuan kewangan, anda boleh memilih untuk menurunkan pelan semasa anda ke pelan rendah, dengan syarat pelan semasa anda bukan pelan terendah. Walau bagaimanapun, anda harus memastikan pelan yang dipilih akan memenuhi keperluan perlindungan anda. Kami mengesyorkan anda berunding dengan Perancang Kewangan anda supaya mereka dapat membantu anda menyemak perlindungan dan keperluan kewangan terkini anda.</p>